

19 OCT 1998

Syed Hamid-Bidas

APA KENA MENGENA HABIBIE DAN ESTRADA DENGAN MALAYSIA, KATA SYED HAMID

ALOR SETAR, 19 Okt (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini membidas Presiden Indonesia B.J.Habibie dan Presiden Filipina Joseph Estrada berikutan kenyataan mereka berhubung layanan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim sejak penahanannya pada 20 Sept lalu.

"Apa kena mengena mereka dengan situasi politik dalam negara ini dengan cuba membela bekas Timbalan Perdana Menteri negara ini," katanya di majlis penutup forum "Ancaman Keselamatan, Ekonomi dan Sosial" di Wisma Darul Aman di sini.

Yang turut hadir dalam majlis itu adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid.

Beliau berkata selama ini pemimpin Malaysia tidak pernah mengambil tahu berkaitan turun naik karier politik kedua-dua pemimpin itu dan hairan mengapa mereka cuba mencampuri urusan dalam negara ini.

Syed Hamid juga berkata beliau percaya ada dalang daripada kalangan orang asing yang membiayai setiap aktiviti Majlis Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (Gerak) dengan tujuan untuk menjatuhkan kerajaan.

"Memandangkan kepada kelengkapan yang dimiliki oleh Gerak dalam siri taklimatnya di seluruh negara, saya percaya ada dalang yang membiayainya dalam aspek kewangan dan lain-lain," katanya.

Syed Hamid, yang juga anggota Majlis Tertinggi UMNO, berkata dalang itu bertindak demikian sebagai usaha untuk meminggirkan Malaysia dalam aspek ekonomi, politik dan hubungan serantau.

Katanya, Gerak dijadikan alat untuk menjatuhkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang jelas tidak disukai oleh dalang terbabit kerana ketegasan dan kelantangan yang dimiliki oleh pemimpin negara ini.

"Mereka tahu Perdana Menteri dan UMNO tidak boleh dijatuhkan dalam proses pilihan raya, jadi cara terbaik adalah dengan memperalatkan Gerak bagi tujuan jahat itu," katanya.

-- BERNAMA

MAN MN AKD